

16/12/1998

Umat diseru kembali ke jalan Allah

Anti Rusuhan

SEBAGAI warganegara yang sangat sayangkan tanah tumpah darah, saya ini ingin memberi sedikit pandangan.

Saya tidak memihak kepada mana-mana individu tetapi saya memihak kepada kebenaran. Ramai terpengaruh dengan berita menerusi Internet. Sedarkah mereka bahawa sebahagian besar berita Internet mengutuk dan mendedahkan keburukan orang. Mereka tidak langsung disogokkan dengan keburukan pemimpin yang mereka sokong. Tidakkah mereka sedar selama berpuluh tahun kita hidup dalam keadaan harmoni? Mengapa jasa kerajaan yang begitu berjaya tidak sedikit pun dikenang?

Rusuhan bukan cara orang Malaysia. Saya rasa ada dalang cuba memporakperandakan kemakmuran negara. Siapakah yang akan menderita jika rusuhan terjadi?

Sedarkah orang yang menganjurkan tunjuk perasaan hanya berpeluk tubuh dan memiliki harta sendiri yang tidak ternilai banyaknya? Apa yang ada pada perusuh sekiranya Allah mencabut nyawa ketika saudara sedang merusuh? Jika yang sudah berkahwin akan tinggallah anak dan isteri menderita meneruskan kehidupan. Adakah ketua gerakan reformasi akan membantu keluarga saudara?

Apa yang menyedihkan saya ialah tulisan yang bertulis Clinton Arrest Mahathir cuba digantung di sebuah kereta (kalau tidak silap saya). Mengapa seorang pemuda sanggup dan megah dengan slogan itu? Saya sungguh kesal. Mengapa Clinton disanjung? Tidak adakah semangat Patriotisme di dalam hati saudara sehingga sanggup memanggil orang luar yang sudah tentu zalim?

Saya rasa pemuda itu mengikut perasaan marah, sehingga tidak sedar orang seperti Clintonlah yang akan menjajah kita semula. Mungkin pemuda itu tidak dilahirkan di sini, maka beliau tidak tahu perjuangan bangsa sendiri.

Reformasi apakah yang dimaksudkan mereka? Kalau setakat untuk membanteras kronisme dan nepotisme, cuba tanya kepada sesetengah pemimpin dalam gerakan itu, adakah mereka tidak terikat dengan isme seperti itu.

Saya berharap rakyat Malaysia tidak terburu-buru membuat keputusan selagi belum tentu benar salahnya sesuatu perkara. Sepatutnya kita kembali kepada Allah kerana Allah yang tahu segala-galanya. Sekiranya sembahyang hajat dibuat tetapi rusuhan juga dilakukan maka Allah tidak akan makbulkan permintaan kita.